



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PENGANGKUTAN (*SUPERSCALE C*)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENGARAH PENGANGKUTAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Am dan Pengurusan / Dasar Awam dan Pentadbiran / *Information and Communication Technology (ICT)* / Pengangkutan / Pengurusan dan Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. a) Telah berkhidmat di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai Penolong Pengarah atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di Institusi-Institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam hal ehwal dasar dan strategi sektor pengangkutan (yang merangkumi pengangkutan darat, penerbangan awam, maritim, pelabuhan-pelabuhan) dan kajicuaca;



2. Bertanggungjawab dalam mewakili dan menyelaras penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam perundingan dua hala, serantau dan antarabangsa seperti Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines *East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA), *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC), *International Civil Aviation Organization* (ICAO), *International Maritime Organization* (IMO), *World Meteorological Organization* (WMO) dan sebagainya;
3. Memastikan pelaksanaan komitmen-komitmen Negara Brunei Darussalam di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan seterusnya menyelaraskannya dengan pihak-pihak yang berkepentingan;
4. Bagi pegawai-pegawai di bawah sektor pengangkutan darat, untuk menyelaras dan mengkoordinasi bagi mesyuarat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), *The Electric Vehicle Joint Task Force* (EVJTF) dan Jawatankuasa *Public Transport System* (JK PTS); dan
5. Menyediakan sokongan bagi pegawai-pegawai dari Jabatan-Jabatan di bawah sektor pengangkutan yang akan menghadiri mesyuarat dan kursus di luar negara.